

02/01/2003

Kemeriahan tahun baru bukti Malaysia selamat: Dr M

Kadir Dikoh; Jami'ah Shukri; Magendran Rajagopal  
KUALA LUMPUR, Rabu - Dakwaan sesetengah negara yang menyatakan Malaysia adalah lokasi yang mengancam keselamatan pelawat jelas meleset apabila berpuluh ribu rakyat negara ini dan pelawat bebas keluar menyambut ketibaan Tahun Baru 2003 malam tadi.

Dakwaan ancaman keselamatan itu yang disusuli dengan amaran jangan melawat yang dikeluarkan oleh sesetengah negara, termasuk Australia tidak langsung mempunyai asas jika dilihat suasana ceria di muka pengunjung di dataran dan kawasan pengumpulan mereka yang ingin menyambut secara beramai-ramai detik bermulanya tahun baru di seluruh negara.

Malah, tidak ada langkah keselamatan tambahan berlebihan yang dibuat oleh polis seperti memeriksa rapi badan pengunjung untuk mengelak kejadian yang tidak diinginkan.

Perdana Menteri sendiri pun yang mengunjungi kawasan sekitar Menara Kembar Petronas di sini tengah malam tadi hanya membawa pasukan keselamatan biasa untuk bersama-sama puluhan ribu pengunjung menyambut tahun baru.

"Saya mencari pengganas dalam kesesakan orang ramai ketika menyambut Tahun Baru 2003, malam tadi, tetapi tidak berjumpa dengan pengganas," kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, sebaliknya beribu-ribu orang dilihat menyambut tahun baru dengan gembira dan selamat tanpa risau mengenai serangan pengganas. Keadaan sama berlaku ketika sambutan Aidilfitri peringkat kebangsaan di Jitra, Kedah dan Krismas di Melaka.

"Baru-baru ini kita meraikan rumah terbuka Aidilfitri di Jitra dan (Krismas) Melaka dan malam tadi beratus ribu orang keluar merayakan tahun baru, saya tidak nampak pengganas.

"Saya lihat sekeliling untuk mencari pengganas. Ini adalah peluang baik (jika mahu) untuk mereka (pengganas) kerana orang ramai berkumpul sekali gus membolehkan mereka melakukan banyak kemusnahan. Mereka boleh lakukan itu ketika dalam kesesakan orang ramai.

"Bagaimanapun, malam tadi, apa yang kita lihat, mereka merasa selamat dan merayakan tahun baru dengan gembira. Di Jitra juga pelbagai kaum, bangsa dan agama meraikan bersama, begitu juga keadaan yang sama dapat dilihat di Melaka," katanya selepas menghadiri Rumah Terbuka Parti Progresif Rakyat Malaysia (PPP) sempena Tahun Baru 2003 di sini, hari ini.

Hadir sama Presiden PPP, Datuk M Kayveas dan Setiausaha Agung Barisan Nasional (BN), Tan Sri Mohamad Rahmat.

Dr Mahathir berkata, keadaan itu menunjukkan bahawa rakyat Malaysia tidak gentar terhadap serangan pengganas serta mampu meraikan perayaan seumpama itu dengan aman dan damai.

Sehubungan itu, Dr Mahathir menyifatkan dakwaan sesetengah pihak bahawa Malaysia tidak selamat adalah mengarut.

"Semata-mata kerana kita tidak memahami sesuatu perkara...mendakwa Malaysia tidak selamat. Sebenarnya semua negara di dunia ini tidak selamat. Kita lihat lebih banyak serangan pengganas di negara mereka, tetapi tidak di Malaysia...kita selamat," katanya.

Mengena azam tahun baru, Dr Mahathir berkata, beliau mahu melihat Malaysia terus aman dan maju.

Selain itu, beliau juga berharap Barisan Nasional (BN) akan terus kukuh dan perpaduan semakin baik serta mempunyai disiplin yang boleh menyumbang kepada kejayaan bagi BN.

